

Keadaan berhampiran Taman Rekreasi Ibu Bekalan Sungai Jarak, JPS Seberang Perai Utara di mana pintu air pecah akibat arus deras selepas banjir mulai surut di Kampung Padang Chempedak, Tasek Gelugor.



Untuk video layari www.bharian.com.my

Penduduk kecewa banjir berterusan

→ Kerajaan negeri didakwa gagal tadbir dengan baik

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

► Georgetown

Mangsa banjir Pulau Pinang meluahkan rasa kecewa atas tindakan kerajaan negeri yang didakwa gagal mentadbir dengan baik sehingga menyebabkan masalah banjir berlarutan.

Wakil Persatuan Anak Jati Pulau Pinang, Liew Yeow Hooi, berkata orang ramai boleh melihat sendiri perbezaan warna air banjir di Georgetown dan Butterworth.

"Air banjir di Georgetown berwarna kuning, mana datang air ini? Bila bukit dipotong, hutan ditebang, tidak ada lagi kawasan tadahan hujan.

"Air kuning ini bercampur tanah dan kita dapat lihat selut penuh di atas jalan dan masuk ke rumah kami," katanya.

Video berdurasi tiga minit
Beliau berkata demikian dalam video berdurasi kira-kira tiga minit yang kini viral di laman sosial, beberapa hari selepas banjir besar melanda negeri ini.

Bagi mangsa banjir, Tan Sim Bee, rakyat Pulau Pinang masih trauma dengan kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan kematian 11 pekerja di Tanjung Bungah pada 21 Oktober lalu.

"Ahad lalu, tujuh lagi nyawa terkorban akibat banjir. Jumlahnya sudah 18 orang, sampai bila keadaan ini akan berlarutan?"

"Kita boleh lihat tanah selut kini mendap di dalam longkang dan saluran, banjir akan berulang lagi," katanya.

Hujan lebat hampir 20 jam pada Ahad lalu, menyebabkan lebih 100 kawasan di Pulau Pinang dinaiki air, sekali gus menjadi antara bencana alam terburuk dalam sejarah negeri ini.



Liew Yeow Hooi



Tan Sim Bee

Bantuan perlu diagih secara adil

Georgetown: Kerajaan DAP Pulau Pinang digesa tidak mempolitikkan pemberian wang bantuan khas banjir kepada mangsa terbaru bencana itu seperti yang didakwa berlaku selepas bah pada September lalu.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid, berkata bantuan khas RM500 untuk seisi rumah itu juga perlu diagih secara adil tanpa mengira fahaman politik mangsa atau lokasi pengundian.

"Jangan politikkan sumbangan khas ini yang sepatutnya diagihkan secara telus dan me-



Jangan pula minta mangsa isi borang untuk masuk parti politik tertentu, ini tidak betul"

Jahara Hamid,
Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang

mudahkan mangsa. Jangan pula minta mangsa isi borang untuk masuk parti politik tertentu, ini tidak betul.

"Kerajaan negeri patut berasa malu jika ia dilakukan," katanya yang ditemui di DUN Pulau Pinang semalam ketika mengulas pengumuman bantuan khas RM500 secara *one-off* kepada setiap keluarga yang terjejas akibat banjir terbaru di negeri ini.

Diserah berperingkat

Bantuan akan diserahkan sebelum akhir tahun ini secara berperingkat selepas pemberian wang ihsan RM400 pada 18 dan 19 November ini kepada

mangsa bencana sama yang lebih awal melanda pada September lalu.

Difahamkan, mangsa banjir pada September lalu perlu berdaftar sebagai pengundi dan ahli parti politik tertentu bagi melayakkan mereka menerima sumbangan ihsan RM400 berkenaan daripada kerajaan negeri.

Jahara yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Air Tawar, berkata sumbangan khas kerajaan negeri itu tidak mencukupi, terutama kepada mangsa banjir yang kehilangan banyak harta benda, sekadar dapat meringankan beban mereka.

Kerajaan negeri umum bantuan khas RM500

Georgetown: Kerajaan negeri semalam mengumumkan bantuan khas RM500 kepada mangsa bencana banjir.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng, berkata bantuan khas itu membabitkan peruntukan sebanyak RM50 juta akan disalurkan kepada sekurang-kurangnya 100,000 isi rumah yang terjejas akibat banjir.

"Bantuan secara *one-off* itu akan diberikan kepada mangsa banjir, tanpa dicampur dengan wang derma yang disumbangkan oleh orang awam, badan berkanun atau pihak lain.

"Jika ada sumbangan yang ingin disampaikan lagi, bolehlah dialamatkan kepada Pegawai Kewangan negeri atau Bendahari," katanya semasa menyampaikan ucapan khas pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam.

Kecualikan surcaj konvergensi

Guan Eng berkata, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga akan kecualikan surcaj konvergensi bagi satu kitaran, kepada semua pengguna selama dua bulan.

"Selain itu, PBAPP turut bersetuju memberi diskaun bil sebanyak 50 peratus kepada pengguna domestik dan 25 peratus kepada pengguna komersial selama dua bulan," katanya.

DAP persalah Kedah punca bah belum surut

Georgetown: Kerajaan DAP Pulau Pinang semalam menuding jari, mempersalahkan Kedah sebagai punca banjir di kawasan Seberang Perai masih belum surut sehingga kini.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng, berkata banjir di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT) sepatutnya sudah surut lebih awal, namun berlarutan kerana limpahan air dari Kedah.

Beliau berkata, banjir setinggi hampir satu meter itu menyebabkan ramai mangsa di kedua-dua daerah berkenaan masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Banjir melimpah

"Banjir di kebanyakan tempat di negeri ini sudah surut, melainkan beberapa kawasan di SPU dan SPT yang menerima air dari Kedah. Banjir di negeri itu (melimpah ke negeri ini) adalah faktor besar.

"Selama ini Pulau Pinang perlu bayar untuk bekalan air dibekalkan Kedah, adakah kali ini mereka akan bayar kepada kita untuk limpahan air (banjir) ini juga?" katanya ketika menyampaikan kenyataan khas pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Guan Eng turut menyalahkan Jabatan Meteorologi Malaysia yang didakwa gagal memberi amalan awal kepada penduduk Pulau Pinang berhubung bencana ter-
babit.